

**NO. SOALAN : 40**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN DEWAN  
RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TAIPING]**

**TARIKH : 06.11.2014**

**RUJUKAN : 7193**

**SOALAN:**

**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah rancangan dan langkah segera yang dilakukan oleh Kerajaan supaya menyekat pengaruh IS dari Iraq yang kini dianggap kumpulan penganas utama yang menggugat keamanan sedunia.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Kerajaan memandang serius berhubung isu pengaruh IS dari Iraq yang kini dianggap sebagai kumpulan penganas. Sebagai langkah segera, Kerajaan akan mengambil tindakan tegas di bawah undang-undang sedia ada termasuk Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah- Langkah Khas) 2012, Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLATFA) dan Akta Pertubuhan 1966 bagi menyekat pengaruh IS ini daripada berkembang di dalam negara.**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Kementerian melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah dan sedang menjalinkan kerjasama yang rapat dengan agensi risikan asing untuk mengekang kemasukan elemen-elemen militan dari luar negara. Usaha ini termasuklah melalui kerjasama berterusan di samping bertukar-tukar maklumat risikan dengan agensi-agensi keselamatan negara luar, khususnya negara-negara ASEAN.**